

07/03/2004

Piala Perdana Menteri milik Yo!, Gotcha Lagi!

Wan Jailani Razak

KECEKAPAN krew Yo! dan Gotcha Lagi! gagal disaingi pada perlumbaan hari terakhir BMW Royal Langkawi International Regatta 2004, sekali gus membolehkan dua kapal layar negara itu menjuarai kategori masing-masing untuk merangkul Piala Cabaran Perdana Menteri, semalam.

Pada perlumbaan kelima dan terakhir itu, Yo! yang dikemudi pelayar Australia, Peter Ahern cemerlang meredah ombak berhampiran marina Kelab Pelayaran Diraja Langkawi (KPDL) untuk menamatkan cabaran dengan 1 jam 1 minit dan 34 saat bagi mengutip empat mata keseluruhan.

Bagaimanapun kehebatan Yo! memang tidak dinafikan apabila terserlah sejak cabaran hari pertama apabila menguasai kedudukan teratas setiap perlumbaan bagi kategori Premier Racing Class 1A dengan catatan 1:46:43s, kedua (3:26:48s), ketiga (3:54:42s) dan keempat (1:52:16s).

Gotcha Lagi! yang dikendalikan semua krew tempatan, diketuai Amir Zohri Rahim turut menerima trofi sama selepas menduduki tempat pertama bagi kategori Premier Cruising Class 1B dengan lima mata keseluruhan.

Kapal layar negara itu mengambil masa 1:13:22s untuk menamatkan perlumbaan terakhir dengan menduduki tempat pertama selepas menghuni tangga kedua, 2:00:27s bagi perlumbaan keempat semalam.

Sebelum itu, ia menduduki tempat pertama pada perlumbaan pertama, kedua dan ketiga.

Yo! dan Gotcha Lagi! adalah penyandang juara bagi kategori sama pada perlumbaan sulung yang diperkenalkan tahun lalu.

Turut menerima Trofi Cabaran Perdana Menteri ialah KDPL dari Malaysia bagi kategori Sports Class 3A dengan 11 mata keseluruhan dan Summersalt dari Thailand (Multihull Racing Class 4A), tiga mata keseluruhan.

Hadiah disampaikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di KPDL, malam tadi. Hadir sama, Pengerusi KPDL, Tan Sri Abdullah Abdul Rahman dan Pengarah Urusan BMW (M) Sdn Bhd, Wolfgang Schlimme.

Siri kejuaraan yang masuk tahun kedua ini menyaksikan peserta bersaing selama empat hari untuk merebut dua trofi utama - Trofi Cabaran Perdana Menteri dan Royal Langkawi Yacht Club Commodore's Club.